

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
020-7262-8406
Fax: www.upp.org.uk
Website: admin@upp.org.uk
Email:



سورھنجاي تيقيني نكار ابروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
36 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BIL.4/2010

**Kepada: SEMUA PENUNTUT-PENUNTUT NEGERA BRUNEI DARUSSALAM
YANG BELAJAR DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND YANG BERKENAN.**

**Per: TAWARAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM
IJAZAH PERTAMA, LANJUTAN DAN IKHTISAS DI LUAR NEGERI
SESI PANGAAJIAN 2010/2011.**

Bersama ini dilampirkan salinan surat yang diterima daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama Bilangan JPI/BI/4/2006 pt.1 bertarikh 26 Muharram 1431 / 12 Januari 2010 mengenai dermasiswa untuk pengikuti **program-program ijazah pertama, lanjutan dan ikhtisas di United Kingdom and Ireland sesi 2010/2011.**

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikembalikan tidak lewat **01 Mac 2010.**

Wassalam

Abdullah Haji Ahad
Pengarah Pengajian
Bp: Pesuruhjaya Tinggi

Rujukan : BSU E/5/pt.X
Tarikh: 21 January 2010

Aw.



جباتن فتاجين اسلام

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
DEPARTMENT OF ISLAMIC STUDIES
MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS
BANDAR SERI BEGAWAN BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : JPI/BI/4/2006 Pt.1

26 Muharram, 1431H
12 Januari, 2010M

Yang Mulia,
Pengarah Pengajian,
Unit Penuntut-Penuntut Brunei Hall,
35- 47 Norfolk Aquare,
London W2 IRX,
England.



Tuan,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PER: TAWARAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM
IJAZAH PERTAMA, LANJUTAN DAN IKHTISAS DI LUAR NEGERI
SESI PENGAJIAN 2010/2011**

Dengan hormat dan sukacita bersama ini disertakan Surat Pemberitahuan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bilangan: 01/2010B rujukan: KHEU/SK/1/89B Pt.5 bertarikh 25 Muharram 1431, bersamaan 11 Januari, 2010M mengenai dengan perkara di atas.


2. Sehubungan dengan itu sukacita dipohonkan kerjasama pihak Tuan untuk memaklumkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di college-college atau university-university di United Kingdom samaada secara persendirian atau melalui Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berhajat untuk meninggikan tahap pengajian mereka bagi sesi pengajian 2010/2011 bolehlah membuat permohonan melalui borang-borang permohonan yang disertakan seperti berikut:

Borang "A" berwarna kuning	- permohonan peringkat Master
Borang "A" berwarna hijau	- permohonan peringkat Ijazah Pertama

3. Kerjasama dan bantuan pihak Tuan adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

والسلام

Dengan hormat,


(HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MANAP)

Pengarah Pengajian Islam.

Salinan,
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



**SURAT PEMBERITAHUAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : 01/2010 B**

**TAWARAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM IJAZAH PERTAMA,
LANJUTAN DAN IKHTISAS DI LUAR NEGERI
SESI PENGAJIAN 2010/2011**

Pemohon-pemohon yang yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke tahap Ijazah Pertama, Lanjutan dan Ikhtisas di bawah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Biasiswa Kementerian Hal Ehwai Uagama bagi sesi pengajian akademik 2010/2011 bolehlah memohon mengikut syarat yang disenaraikan.

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah wal Jemaah mengikut Mazhab Syafie.
- 1.3 Memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian (Credit) mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau Sijil Pelajaran Uagama Brunei dalam pangkat Jayid.
- 1.4 Memperolehi sekurang-kurangnya Jayid mata pelajaran Bahasa Arab dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Uagama Brunei (SPUB) atau yang diiktiraf sebanding dengannya bagi pelajar yang akan mengikuti pengajian yang bahasa pengantarnya menggunakan Bahasa Arab.
- 1.5 Memperolehi sekurang-kurangnya Kepujian (Credit) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sama ada dalam peperiksaan Sijil Am



Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya atau Kertas Am (General Paper) dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan atau memperolehi IELTS / TOFEL Overall Band 6.0 [Bagi Pelajar yang akan mengikuti pengajian bahasa pengantarnya menggunakan Bahasa Inggeris]

Bagaimanapun bagi Universiti yang mengutamakan kedua-dua bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) pemohon hendaklah memenuhi syarat 1.4 dan 1.5 di atas.

- 1.6 Umur tidak melebihi 25 tahun pada 1 September 2010 bagi pemohon peringkat Ijazah Pertama, sementara bagi Ijazah Lanjutan atau Ikhtisas tidak melebihi 30 tahun pada 1 September, 2010.
- 1.7 Bagi kursus ditahap Ijazah Lanjutan dan Ijazah Pertama hendaklah memperolehi tempat pengajian di Institusi yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) Kementerian Pendidikan dan Universiti program di 'Top 50' mengikut ranking The Times Good University Guide 2010.

2. IJAZAH PERTAMA

- 2.1 Memperolehi sijil pangkat Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei [STPUB] dengan memperolehi Mumtaz dalam mata pelajaran Al-Quran dan 2 Mumtaz dalam mata pelajaran yang berkaitrapat dengan jurusan yang dipilih dan sekurang-kurangnya 1 Mumtaz, 2 Jayid Jiddan dan 1 Jayid dalam mana-mana kumpulan pelajaran yang diambil dalam sekali duduk.

ATAU

Memperolehi sekurang-kurangnya 3 matapelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan 'A' level yang berkaitrapat dengan kursus yang dipohon dalam sekali duduk mengikut gred nilai points yang disenaraikan seperti jadual di bilangan 2.2 di bawah.

a



- 2.2 Bidang jurusan yang dipilih hendaklah memenuhi gred minima atau nilai points seperti berikut: (Senarai kursus-kursus yang ditawarkan disertakan di Appendix 'A')

KATEGORI	BIDANG / JURUSAN	GRED MINIMA
A	USULUDDIN	4 MUMTAZ, 2 JAYID JIDDAN DAN 1 JAYID
B	SYARIAH	4 MUMTAZ, 2 JAYID JIDDAN DAN 1 JAYID
C	LAW	280 POINTS
D	DOUBLE DEGREE (CIVIL + SYARIAH)	220 POINTS
E	EKONOMI DAN KEWANGAN	260 POINTS
F	SAINS / KEJURUTERAAN /TEKNOLOGI MAKLUMAT	240 POINTS
G	MATEMATIK	240 POINTS
H	ENGLISH / ENGLISH LITERATUTE	220 POINTS

NILAI GRED POINTS SEPERTI BERIKUT:

A:120	B:100	C:80	D:60	E:40
--------------	--------------	-------------	-------------	-------------

2



- 2.3 Mempunyai kelulusan yang diterima oleh pihak Universiti yang berkenaan dan bersedia mengikuti kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memenuhi keperluan perancangan Kementerian dan Negara.
- 2.4 Bagi pemohon yang memenuhi syarat-syarat bidang jurusan Ugama tetapi berhasrat untuk mengikuti lain-lain bidang, boleh juga dipertimbangkan.

3. IJAZAH LANJUTAN ATAU IKHTISAS (PROFESSIONAL)

- 3.1 Bagi Ijazah Lanjutan hendaklah memperolehi Ijazah Pertama dengan mendapat pangkat Jayid atau Kelas Kedua Bawah (2:2) atau kelayakan yang sebanding dengannya yang diperolehi daripada universiti yang diiktiraf. Walaubagaimanapun kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan dan bersesuaian dengan keperluan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 3.2 Bagi kursus di peringkat Ikhtisas (Professional) hendaklah memperolehi Ijazah Pertama sekurang-kurangnya Jayid atau Kelas Kedua Bawah (2:2) dalam bidang pengajian yang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf sebagai sebanding dengannya dan bidang Ikhtisas berkenaan hendaklah diikuti secara sepenuh masa (full-time).

4. PELAJAR PERSENDIRIAN

- 4.1 Bagi pelajar persendirian di luar negeri yang mengikuti pengajian di universiti yang diiktiraf dan berhajat meneruskan pengajian ke tahun berikutnya hendaklah memenuhi Syarat-Syarat Utama seperti di bilangan 1 ceraihan 1.1 hingga 1.7 dan lulus dalam semua matapelajaran dengan memperolehi sekurang-kurangnya pangkat Jayid atau purata kelas kedua (2:2) pada akhir sesi pengajian yang sedang diikutinya tanpa " resit paper".



5. LAIN-LAIN SYARAT

Pemohon mestilah juga memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:

- 5.1 Bersih dalam tapisan keselamatan dan Jenayah.
- 5.2 Disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan.
- 5.3 Lulus temuduga Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama.

6. PERMOHONAN

- 6.1 Borang permohonan Biasiswa ke Luar Negeri Kementerian Hal Ehwal Ugama dan keterangan lanjut boleh diperolehi di alamat berikut:

**Unit Kajian, Latihan dan Dermasiswa,
Bahagian Professional
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tingkat 14, Blok 2J bilik 03,
Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan BA 1311
Negara Brunei Darussalam.**

**Nombor Telefon : 2231064
Nombor Fax : 2232376**

- 6.2 Laporan Sulit bolehlah dihadapkan kemudian secara berasingan oleh pengetua sekolah masing-masing
- 6.3 Semua salinan sijil dan dokumen yang disertakan hendaklah disahkan oleh pengetua sekolah
- 6.4 Pemohon hendaklah menghadapkan salinan surat tawaran tempat pengajian berserta dengan isi kandungan kursus bersama-sama dengan permohonan. 2



6.5 **Tarikh tutup permohonan:**

- 6.5.1 Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikembalikan tidak **lewat 01 Mac 2010**
- 6.5.2 Pelajar Persendirian yang menuntut di luar negeri di peringkat Ijazah Pertama bolehlah menghadapkan permohonan setelah keputusan peperiksaan akhir sesi pengajian 2010/2011 diperolehi **tidak lewat 2 minggu setelah keputusan resmi diumumkan.**

(HAJISMAL BIN HAJI ABD MANAP)

Pengarah Pengajian Islam
bp. Setiausaha Tetap,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : KHEU/SK/1/89B Pt.5
Bertarikh : 25 MUHARRAM 1431H
11 JANUARI, 2010M



SEPERTI PEMBAHAGIAN:

- Yang Mulia,
Tuan Yang Terutama,
Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah.

- Yang Mulia,
Tuan Yang Terutama,
Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur

- Yang Mulia,
Pengarah Pengajian,
Unit Penuntut-Penuntut Brunei Hall di London

- Yang Mulia,
Duta Besar,
Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam,
Amman,
Hashemite Kingdom of Jordan.

26

Rujukan : KHEU/SK/1/89B Pt.5
Bertarikh : 25 MUHARRAM 1431H
11 JANUARI, 2010M

**SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENGANUGERAHAN
BIASISWA KE LUAR NEGERI SESI 2010/2011**

IJAZAH PERTAMA (DEGREE)

- A. BIDANG KEUGAMAAN**
- A.1 SYARIAH
- B.A Degree in Fiqh (Jurisprence & Legislation)
- A.2 USULUDDIN
- B.A Degree in Foundation Of Religion
- A.3 DA'WAH
- B.A Degree in Islamic Creed & Da'wah
- A.4 ISLAMIC REVEALED KNOWLEDGE & HERITAGE
- Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage
 - Bachelor in Islamic Revealed Knowledge
- A.5 LUGHAH ARABIAH
- B. H.S.C. in Arabic Language and Literature
- A.6 AL-QURAN DAN QIRAAT
- A.7 SYARIAH WAL QANUN (IN ARABIC)
DOUBLE DEGREE IN LAW SYARIAH
- B. BIDANG-BIDANG LAIN**
- B.1 UNDANG-UNDANG
- B.2 KAUNSELING
- B.3 PHYCHOLOGY
- B.4 SOCIOLOGY
- B.5 ECONOMIC BUSINESS STUDIES
- B.6 BUSINESS ADMINISTRATION
- B.7 COMMERCE (ACCOUNTING AND FINANCE)
- B.8 COMPUTER STUDIES
- B.9 PENDIDIKAN
- B.10 ENGINEERING
- B.11 MANAGEMENT
- B.12 FOOD SCIENCE/ TECHNOLOGY
- B.13 PERPUSTAKAAN

IJAZAH LANJUTAN (MASTER DAN PH. D)

A. BIDANG KEUGAMAAN

A.1 USULUDDIN

- PSIKOLOGI DA'WAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
- SOSIOLOGI DAN TEMADUN ISLAM
- METODOLOGI DAKWAH
- PERBANDINGAN AGAMA
- AQIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
- ULUM QURAN
- TAFSIR/HADITH
- AQIDAH

A.2 SYARIAH

- Ph.D. in Islamic Jurisprudence and its Foundations
- Master's in Islamic Jurisprudence and Its Foundations
- Ph.D. in Hadith
- Master's in Hadith
- Master's in Exegesis
- Ph.D. in Islamic Jurisdiction
- Master in Islamic Jurisdiction
- Master's in Islamic Doctrine

- FIQH DAN USUL FIQH
- UNDANG-UNDANG SYARIAH
- PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
- UNDANG-UNDANG ISLAM DAN EKONOMI
- UNDANG-UNDANG ISLAM
- UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

A.3 BIDANG-BIDANG LAIN

- PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEKOLAH
- PENGURUSAN ISLAM/ PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM
- EKONOMI ISLAM
- KAUNSELING
- DASAR AWAM
- ICT
- PUBLIC RELATION DAN COMMUNICATION
- SAINS PERMAKINAN
- SAINS POLITIK ISLAM
- APPLIED STATISTICS
- PENDIDIKAN
-